

FPP UMS terus laksanakan Program Komuniti Pendidikan di sekolah luar bandar

UB 11.5.2016 A7

KOTA MARUDU: Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) sekali lagi mengadakan Program Komuniti Pendidikan Sains dan Teknologi melibatkan 48 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kota Marudu dan SMK Langkon, baru-baru ini.

Menurut penyelia program Dr Siew Nyet Moi @Sopiah Abdullah, program itu dikendalikan oleh pelajar Program Pascasiswazah Sarjana Pengurusan Pendidikan untuk menyediakan sokongan kepada pelajar di kawasan luar bandar dengan mengikuti aktiviti reka cipta

bagi menyelesaikan masalah secara kreatif dan inovatif melalui konsep STEM.

“Pelajar sarjana bertindak sebagai pelaksana, fasilitator dan penilai, manakala pelajar PhD dan prasiswazah menjadi pembantu fasilitator dan penilai kepada 10 kumpulan bagi dua aktiviti STEM yang telah dijalankan,” katanya.

Pada program itu katanya, sebanyak dua aktiviti dijalankan melibatkan penyelesaian masalah dan pengetahuan sedia ada untuk menguji kreativiti para peserta.

“Aktiviti STEM pertama adalah berkisarkan Jambatan Sungai Bandau, Kota Marudu yang kononnya



SEMUA AJK dan peserta yang terlibat dalam menjayakan program komuniti Pendidikan Sains dan Teknologi di SMK Kota Marudu.



HASIL reka cipta baju sejuk pelajar dalam mengatasi kepanasan yang sedang berlaku di Sabah.

telah runtuh akibat terlalu usang. Para pelajar bekerja dalam kumpulan berlima mengenalpasti masalah kehidupan seharian yang disebabkan oleh situasi itu dan mengemukakan ciptaan baru bagi mengatasinya.

“Manakala, aktiviti STEM kedua adalah berkisarkan fenomena El Nino yang melanda negara sekarang.

Melalui aktiviti ini, para pelajar menggunakan pengetahuan sedia ada dan pengalaman lepas mencipta sebuah prototaip berkonseptkan teknologi hijau bagi mengurangkan kesan El Nino terhadap persekitaran dan diri sendiri,” katanya.

Siew berkata secara keseluruhannya, program itu telah berjaya mencapai

objektifnya apabila para pelajar menyatakan program berkenaan mampu mendorong mereka untuk berfikir di luar kotak bagi mengeluarkan idea yang sesuai bagi menyelesaikan masalah dikemukakan.

Turut hadir, wakil daripada SMK Kota Marudu Yusniza Azali dan SMK Langkon Pang Poon King.